

Dr. Mahathir rancang bercuti ke Mediteranean

KUALA LUMPUR 22 Jun — Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali memberitahu beliau dan suaminya, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah merancang bercuti di Mediteranean selama lapan hari selepas Perhimpunan Agung UMNO.

Beliau menyatakan perkara itu semasa diwawancara oleh wartawan *Mingguan Malaysia* semalam.

Menurut Dr. Siti Hasmah lagi, mereka dijadual berlepas malam esok.

"Saya kena pulang (ke kediaman rasmi) di Putrajaya untuk berkemas, kita nak bercuti ke Napoli, Itali," katanya.

Beliau bagaimanapun tidak memberi gambaran langsung berhubung rancangan Dr. Mahathir untuk mengumumkan hasratnya melepaskan semua jawatan parti.

Sementara itu, Datin Seri Rosmah Mansor yang duduk di sebelah Dr. Siti Hasmah semasa pengumuman itu dibuat, memberitahu *Mingguan Malaysia* isteri Perdana Menteri hanya berdiam diri dan tidak memberikan sebarang reaksi.

Sebelum itu, menurut Rosmah, Dr. Siti Hasmah bagai dapat merasai yang Dr. Mahathir sedang sebak, seperti berbisik dari tempat duduknya: "Ya, minum air..."

Dr. Siti Hasmah lima minit kemudian turun dari tempat duduk pemerhati VIP di aras 5 ke pentas di Dewan Merdeka PWTC untuk menenangkan suaminya.